



**SELASA, 15 NOVEMBER 2022
UNTUK SIARAN SEGERA**

**CAAM ANJURKAN TAKLIMAT KESELAMATAN KEPADA SEMUA
PENGENDALI HELIKOPTER DI MALAYSIA**

PUTRAJAYA – Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) telah mengadakan satu taklimat keselamatan sebagai salah satu inisiatif untuk meningkatkan kesedaran keselamatan kepada pengendali-pengendali helikopter di Malaysia. Pengendalian helikopter seperti yang kita sedia maklum adalah sangat unik kerana ia bukan sahaja tangkas malah sesebuah helikopter mempunyai kebolehan untuk mendarat dan berlepas dalam pelbagai situasi. Hal ini menjadikan helikopter sebagai pengangkutan pilihan terutamanya bagi kawasan pedalaman dan sukar untuk diakses di seluruh Malaysia. Justeru, taklimat keselamatan ini merupakan sebahagian daripada komitmen CAAM untuk meningkat dan memperkasakan pengawasan keselamatan bagi pengoperasian helikopter di negara ini menjelang Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU-15) dan banjir yang bakal berlaku di mana pengoperasian helikopter di negara ini dijangka meningkat.

Taklimat keselamatan ini dihadiri Pengurus Bertanggungjawab, Pengarah Operasi Penerbangan dan Pengurus Keselamatan dari lebih 10 operator helikopter di Malaysia yang memfokuskan mengenai beberapa perkara berkaitan keselamatan termasuklah kepentingan pelaporan kejadian keselamatan daripada industri penerbangan umum demi membudayakan aspek keselamatan. Dengan pelaporan kejadian keselamatan yang konsisten, ia akan meningkatkan keselamatan pengoperasian pesawat melalui pengesanan isu operasi dan sistem tepat pada masanya. Ini memainkan peranan penting dalam usaha pencegahan kemalangan bagi mengenal pasti tindakan pemulihan yang sesuai melalui analisis segera data keselamatan dan pertukaran maklumat keselamatan. Ini bersesuaian dengan Peraturan-peraturan Penerbangan Awam 2016 (CAR 2016) Peraturan 165, mengenai keperluan untuk mengemukakan *Mandatory Occurrence Report*

(MOR) apabila berlakunya kejadian dalam Malaysia atau melibatkan pesawat yang dikendalikan oleh operator Malaysia.

Selain daripada itu, CAAM juga menyeru semua pengendali helicopter untuk segera meningkatkan kesedaran situasi dan promosi keselamatan dengan disiplin dan pematuhan yang ketat. Adalah penting bagi semua juruterbang mempunyai kesedaran situasi berkaitan lokasi, keadaan penerbangan, konfigurasi, keadaan teknikal pesawat serta faktor-faktor lain yang boleh menjejaskan keselamatan termasuk keadaan muka bumi, halangan, kelulusan penggunaan ruang udara dan sistem cuaca. Dengan meningkatkan kesedaran situasi, ia dapat mempengaruhi sesuatu keputusan yang dibuat serta membolehkan anak kapal dapat memberi jangkaan lebih baik untuk perkara mendatang.

Beberapa perkara lain berkaitan keselamatan yang dibangkitkan semasa taklimat itu adalah kepentingan komunikasi terbuka dan berkesan bagi pengoperasian selamat dan ini termasuklah taklimat sebelum dan selepas bagi pasukan penyenggara dan juruterbang. Selain itu, pemeriksaan sebelum penerbangan dan pemeriksaan penyelenggaraan berkala juga penting bagi memastikan operasi yang cekap, mengoptimumkan prestasi dan pematuhan penuh dengan piawaian keselamatan dan keperluan kawal selia CAAM.

CAAM akan terus menjalinkan kerjasama rapat dengan pengendali tempatan sebagai salah satu komitmen untuk meningkatkan kesedaran keselamatan dalam kalangan pemain industri. Ini bagi memastikan pelaksanaan peraturan Malaysia yang adil dan yang paling penting untuk kepentingan keselamatan industri dan orang ramai.

DATUK KAPTEN CHESTER VOO

Ketua Pegawai Eksekutif

Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia